

UNASYN[®] TABLET

Sultamicillin (375 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan UNASYN
2. Bagaimana UNASYN berfungsi
3. Sebelum menggunakan UNASYN
4. Cara menggunakan UNASYN
5. Semasa menggunakan UNASYN
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan UNASYN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan UNASYN

UNASYN digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh mikroorganisma rentan, termasuk yang berikut:

- jangkitan saluran pernafasan atas termasuk jangkitan sinus, jangkitan telinga tengah dan keradangan tonsil
- jangkitan saluran pernafasan bawah termasuk keradangan paru-paru dan keradangan tiub bronkus
- jangkitan buah pinggang dan saluran kencing
- jangkitan kulit dan tisu lembut
- jangkitan *gonococcal* (penyakit kelamin)

Tablet UNASYN juga boleh diberikan kepada individu yang telah menerima suntikan UNASYN dan yang perlu meneruskan rawatan dengan ubat yang sama melalui mulut.

Bagaimana UNASYN berfungsi

UNASYN mengandungi bahan aktif *sultamicillin*. Di dalam badan, *sultamicillin* akan terpisah menjadi dua bahan iaitu *subactam* dan *ampicillin*. Gabungan kedua-dua bahan ini mampu membunuh pelbagai jenis bakteria.

Sebelum menggunakan UNASYN

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan UNASYN

- jika anda alah kepada *sultamicillin* atau mana-mana jenis *penicillin*, atau mana-mana bahan kandungan ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

UNASYN meresap melalui uri dan sampai kepada janin. Jika perlu, doktor anda akan menilai manfaat rawatan ubat ini dan membandingkannya dengan risiko yang mungkin dihadapi.

Jangan ambil UNASYN jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula menggunakan UNASYN*

Beritahu doktor anda jika anda mengalami:

- tindak balas alahan kepada *penicillin*, *cephalosporin*, *carbapenem*, *beta lactam* dan alergen lain
- sebarang masalah buah pinggang atau hati atau jika anda mengalami sebarang tanda-tanda dan simptom-simptom penyakit hati
- masalah *galactose intolerance*, *Lapp-lactase deficiency* atau *glucose-galactose malabsorption* yang diwarisi
- jangkitan virus yang dikenali sebagai “*infectious mononucleosis*”
- sebarang tindak balas kulit yang teruk
- cirit-birit yang teruk dan berlarutan, yang berlaku dua bulan atau lebih selepas pengambilan dos terakhir

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin akan mengambil sebarang ubat lain, terutamanya mana-mana yang berikut:

- *Allopurinol* (ubat untuk gout)
- Bahan antigumpal (ubat yang membantu mencegah pembentukan darah beku)
- Ubat antibakteria (*chloramphenicol*, *erythromycin*, *sulfonamide* dan *tetracycline*)

- Pencegah kehamilan oral yang mengandungi estrogen
- *Methotrexate* (ubat yang digunakan untuk merawat kanser)
- *Probenecid* (ubat yang digunakan untuk merawat gout dan *hiperuricaemia*)

Cara menggunakan UNASYN

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan untuk orang dewasa ialah 375 – 700 mg dua kali sehari.

Untuk rawatan *gonorrhoea* yang tidak rumit, *sultamicillin* boleh diberikan sebagai 2.25 g dos oral tunggal.

Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak dengan berat badan kurang daripada 30 kg ialah 25 – 50 mg/kg/hari yang dibahagikan kepada dua dos.

Untuk kanak-kanak dengan berat badan lebih daripada 30 kg, dos orang dewasa lazimnya diberikan.

Jika anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk, doktor anda mungkin akan memanjangkan selang masa antara pengambilan dos.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak, rawatan kebiasaannya diteruskan sehingga 48 jam selepas demam dan sebarang tanda-tanda tidak normal yang lain telah pulih.

UNASYN[®] TABLET

Sultamicillin (375 mg)

Rawatan lazimnya diberikan selama 5 – 14 hari, namun tempoh rawatan mungkin akan dilanjutkan sekiranya perlu.

Rawatan sekurang-kurangnya 10 hari disyorkan untuk sebarang jangkitan yang disebabkan oleh streptokokus hemolitik (sejenis bakteria).

Teruskan penggunaan UNASYN untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sawan.

Semasa menggunakan UNASYN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan UNASYN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Beritahu doktor anda sebelum menjalani sebarang ujian makmal untuk mengesan glukosa dalam air kencing kerana UNASYN boleh mengubah keputusan ujian ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berkongsi UNASYN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

UNASYN tidak mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan jentera. Jangan memandu atau menggunakan jentera jika anda berasa pening selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, UNASYN boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah beberapa kesan sampingan yang biasa berlaku ketika mengambil UNASYN:

- Jangkitan kulat yang disebabkan oleh *candida*
- Sakit kepala
- Cirit-birit
- Muntah
- Sakit perut
- Loya
- Ruam
- Kegatalan

UNASYN boleh menimbulkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius. Hentikan penggunaan UNASYN dan dapatkan bantuan perubatan dengan

segera jika anda mengalami mana-mana gejala yang berikut:

- kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan UNASYN

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

UNASYN tersedia dalam bentuk tablet bersalut filem, berwarna putih, berbentuk kapsul untuk pengambilan melalui mulut.

UNASYN boleh didapati sebagai tablet 375 mg, dengan setiap kepingan *blistar* yang mengandungi 20 dan 100 tablet.

Sesetengah kekuatan produk atau saiz pek mungkin tidak tersedia di pasaran anda.

- Bahan-bahan kandungan

UNASYN[®] TABLET

Sultamicillin (375 mg)

- Bahan aktif

Sultamicillin

- Bahan tidak aktif

Lactose, corn starch, sodium starch glycolate, hydroxypropylcellulose, magnesium stearate, hydroxypropylmethylcellulose 2910, titanium oxide, talc, macrogol 6000, purified water, carnauba wax dan specially denatured alcohol.

- Nombor MAL:

MAL19910104ARZ

Pengilang

Haupt Pharma Latina S.r.l.

Strada Statale 156 Dei Monti Lepini Km

47,600,

Latina, 04100,

Italy

Pemegang Pendaftaran Produk

Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.

Level 10 & 11,

Wisma Averis, Tower 2,

Avenue 5, Bangsar South,

No. 8 Jalan Kerinchi,

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/03/2026

Nombor Siri

NPRA (R1/1) 28062023/121

PLD-UNASYN TAB-0326